

Bertindak tegas terjemahkan amanat PM banteras rasuah

BH- 3/1/2022 m/s: 6

Kuala Lumpur: Amanat Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kepentingan membanteras rasuah, harus diterjemahkan dengan pelaksanaan tindakan tegas oleh agensi penguat kuasa berkaitan rasuah dan integriti serta akauntabiliti perkhidmatan awam.

Transparency International Malaysia (TI-M) berkata, penekanan Perdana Menteri itu memberi mesej jelas kepada agensi penguat kuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bahawa mereka perlu menahan perasuah atau sesiapa saja yang terbabit gejala itu, tanpa perasaan takut atau pilih kasih.

Katanya, TI-M mengalu-alukan amanat Anwar, yang menekankan keperluan mendesak untuk menangani rasuah di negara ini, termasuk mendapatkan semula wang yang dicuri serta mengamalkan tadbir urus baik dalam pentadbiran kerajaan.

"Kami juga mengalu-alukan jaminan Anwar bahawa pentadbirannya tidak akan campur tangan dalam proses siasatan," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Dalam perutusan tahun baharu 2023, Anwar menegaskan, beliau tidak akan bertolak ansur dengan tindakan segelintir penjawat awam yang mengamalkan rasuah dan salah guna kuasa.

Perdana Menteri di-petik berkata, walaupun ada perubahan, masih ada sekelompok kecil kakitangan kerajaan masih mencuba untuk mengutip habuan dan 'hadiah' besar.

Bantu lapor kepada SPRM

Mengulas lanjut, TI-M menggesa semua pihak memainkan peranan dalam memerangi rasuah

dengan melaporkannya kepada SPRM jika ada penjawat awam meminta rasuah ataupun menyalahgunakan kuasa mereka.



Mohd Azmi Abdul Hamid

Dalam jangka panjang, menurutnya, tindakan tegas kerajaan itu akan memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia, dengan menambah baik daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan langsung asing (FDI).

Sementara itu, Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAMPIM), Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata kakitangan kerajaan perlu berusaha memerangi rasuah serta mengamalkan budaya kerja profesional dan cermat dalam menggunakan harta kerajaan.

"Banyak pembelian peralatan



Laporan BH semalam.

yang tidak perlu dan pembelian dengan harga yang berlipat kali ganda dan di luar bajet ditemui dalam pelbagai agensi kerajaan.

"Wang awam tidak boleh dibelanjakan secara membazir. Kami menyambut dan mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri berhubung perkara itu," katanya.

Mohd Azmi juga menegaskan kebimbangan dalam isu pembaziran yang berleluasa oleh agensi kerajaan melalui penganjuran acara rasmi dengan bermewah hingga premis kerajaan tidak digunakan dan terbiar.

"Laporan Jabatan Audit Negara saban tahun mendedahkan pembaziran yang sangat ketara oleh agensi kerajaan.

"Audit juga pernah berkali-kali mendakwa kerajaan membazir, salah urus dalam perbelanjaan.

"Kerajaan diingatkan bahawa ketidakcekapan dan rasuah akan menggagalkan usaha untuk mengurangkan defisit bajet negara," katanya.